



# SEMINAR KEBAHASAAN

MAJELIS BAHASA BRUNEI DARUSSALAM-INDONESIA-MALAYSIA  
(MABBIM)



PENGGUNAAN ISTILAH MABBIM DALAM KURIKULUM  
BAHASA MELAYU PERINGKAT SEKOLAH RENDAH  
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Ahmad Shah Tamami@ Hj Tamam  
Jabatan perkembangan Kurikulum  
Kementerian Pendidikan  
Negara Brunei Darussalam



# **PENGGUNAAN ISTILAH MABBIM DALAM KURIKULUM BAHASA MELAYU PERINGKAT SEKOLAH RENDAH DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Ahmad Shah Tamami@ Hj Tamam  
Jabatan perkembangan Kurikulum  
Kementerian Pendidikan  
Negara Brunei Darussalam

## **1. Pendahuluan**

Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 (SPN21) yang dilaksanakan secara rasmi pada tahun 2009. Rasional perubahan sistem pendidikan ini antara lain bertujuan bagi menangani isu-isu tentang keperluan untuk meningkatkan dan memaparkan pencapaian dalam bahasa Melayu (SPN21,2008).

Dalam Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 ini, pelajaran bahasa Melayu secara dasarnya dihasratkan dapat membina rasa bangga terhadap bahasa yang mencerminkan jati diri, akal budi dan pemikiran rakyat, yang berperanan sebagai pemangkin kepada semangat cintakan tanah air yang berlandaskan *Falsafah Melayu Islam Beraja* (MIB) (Kerangka dan Panduan bagi Kurikulum dan Penilaian bahasa Melayu, JPK 2008).

Dengan pelaksanaan SPN21, Kementerian Pendidikan jelas telah mempertingkatkan usaha memartabatkan bahasa Melayu melalui perubahan yang terdapat pada dasar dan kurikulum bahasa Melayu. Pemartabatan bahasa Melayu meliputi aspek-aspek seperti yang berikut:

- i. Bahasa Melayu kekal sebagai mata pelajaran teras di peringkat rendah dan menengah.
- ii. Bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa pengantar bagi mata pelajaran teras yang lain, iaitu Pengetahuan Agama Islam dan MIB. Manakala bagi mata pelajaran umum ialah Lukisan dan Reka Bentuk, dan Pendidikan Jasmani. Dengan pemartabatan Pengetahuan Agama Islam dan MIB sebagai komponen mata pelajaran teras, bermakna jumlah mata pelajaran bermediumkan bahasa Melayu dan Inggeris adalah sama dari Tahun 1 hingga Tahun 10 dan 11.
- iii. Kurikulum bahasa Melayu digubal bertujuan untuk melahirkan insan berilmu pengetahuan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani serta berbakti kepada masyarakat. Kurikulum ini mendukung matlamat pendidikan negara untuk merealisasikan bakat dan potensi pelajar serta

mengembangkan kebolehan mereka bagi menghadapi cabaran masa mendatang. Oleh itu, kurikulum bahasa Melayu di peringkat rendah dan menengah disusun dengan memberi penekanan kepada hasil pembelajaran yang perlu dikuasai oleh pelajar iaitu kemahiran bahasa (kemahiran mendengar dan bertutur, membaca, dan menulis), penguasaan peraturan dalam sistem bahasa, Pelajaran Jawi, penggabungjalinan dan penyerapan pelbagai bidang ilmu, kemahiran-kemahiran lain seperti berfikir, teknologi maklumat dan komunikasi, belajar, kecerdasan pelbagai dan kontekstual, tatasusila kemasyarakatan dan kemanusiaan (nilai-nilai murni), Kebudayaan (kesenian dan kesusasteraan) keagamaan serta kenegaraan. Elemen-eleman tersebut dapat diaplikasikan oleh pelajar dalam dunia pekerjaan. Di samping itu, pendidikan nilai, kewarganegaraan dan patriotisme juga diberi penekanan selaras dengan falsafah dan matlamat pendidikan negara bagi melahirkan masyarakat Brunei yang beridentitikan kebruneian atau mengikut calak Brunei.

- iv. Pendekatan pedagogi yang pelbagai, berpusatkan pelajar dan berorientasikan aktiviti, akan lebih memantapkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dan seterusnya dapat menarik minat pelajar dalam mata pelajaran ini.
- v. Penilaian pelajar adalah berasaskan Penilaian Kendalian Sekolah untuk Pembelajaran (*School Based Assessment for Learning*) yang digunakan untuk tujuan diagnostik, intervensi dan merancang pengajaran dengan lebih berkesan. Oleh kerana penilaian ini bersifat formatif, iaitu mengutamakan kemajuan setiap pelajar dari satu peringkat ke satu peringkat, guru dapat membuat diagnostik bagi mengesan perkembangan pelajar dari semasa ke semasa. Ini memberi peluang kepada guru membetulkan kesilapan dan memperbaiki kelemahan pelajar serta-merta, supaya kelemahan tersebut tidak terhimpun. Penilaian berterusan seumpama ini adalah penting untuk memastikan pelajar memperoleh dan menguasai kemahiran pembelajaran bahasa Melayu seawal peringkat rendah lagi dan setetentunya akan dapat diperkuuh dan dimantapkan hingga ke peringkat seterusnya.
- vi. Penyediaan buku-buku teks dan bahan-bahan sumber pengajaran seperti *Multimedia Courseware Disc*, *CD-Interaktif*, buku panduan mengajar, buku bacaan, kad bergambar dan lain-lain sebagai sokongan dan membantu para guru bagi meningkatkan tahap pengajaran bahasa Melayu.
- vii. Taklimat, bengkel dan sesi kongsisama pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu yang bertujuan untuk meningkatkan mutu pengajaran bahasa Melayu.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah, mengingatkan supaya usaha ke arah mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi Negara Brunei Darussalam tidak akan diabaikan.

*“Adalah menjadi tanggungjawab seluruh rakyat dan penduduk negara ini mengamalkan Bahasa Melayu terutama dalam urusan-urusan rasmi menurut peraturan yang ditetapkan termasuklah juga meningkatkan penggunaan tulisan jawi”* (Pelita Brunei,Tahun 36 Bil.3, 16 Januari 1991).

Selain itu, dalam SPN21, sistem persekolahan di peringkat rendah dahulunya dikenali dengan nama **Darjah** dan sekarang dinamakan sebagai **Tahun**. Sesi persekolahan di peringkat ini ialah selama 6 tahun bermula dari Tahun 1 hingga Tahun 6. Sebelum memasuki persekolahan di Tahun 1, para pelajar akan memasuki persekolahan di peringkat prasekolah terlebih dahulu selama setahun. Kemasukan para pelajar di peringkat prasekolah ini bertujuan untuk membolehkan mereka membiasakan diri dengan alam persekolahan dan persediaan sebelum mengikuti pendidikan formal di Tahun 1. Mata pelajaran yang diajarkan bagi Tahun 1 hingga 6 ialah Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Pengetahuan Agama Islam, MIB, Pendidikan Jasmani, Kokurikulum dan Seni Kreatif dan Teknologi. Semua mata pelajaran ini diajar dalam bahasa Inggeris kecuali mata pelajaran Bahasa Melayu, pelajaran Agama Islam dan Melayu Islam Beraja (MIB) masih diajar dalam bahasa Melayu.

Kurikulum bahasa Melayu dan lain-lain mata pelajaran bagi peringkat sekolah rendah dan menengah disediakan oleh Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Pembinaan Kurikulum bahasa Melayu di Negara Brunei Darussalam berkait rapat dengan dasar bahasa yang dikeluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), kerana DBP adalah sebagai satu daripada institusi ilmu yang memainkan peranan penting dalam mendukung amanat bangsa memperjuangkan nasib bahasa Melayu. Semua dasar yang berkaitan dengan bahasa Melayu yang dikeluarkan oleh DBP adalah menjadi rujukan dan panduan Jabatan Perkembangan Kurikulum dalam menentukan sistem bahasa dan ejaan untuk dimuatkan dalam kurikulum bahasa Melayu di negara ini. Ini menunjukkan bahawa pendidikan di Negara Brunei Darussalam telah sepenuhnya menggunakan istilah Mabbim terutama dalam mata pelajaran bahasa Melayu peringkat rendah dan menengah. Ia juga antara lain merupakan sokongan yang padu dari Kementerian Pendidikan terhadap usaha-usaha pemartabatkan bahasa Melayu yang dilaksanakan oleh DBP Brunei.

## **2. Peristilahan Bahasa Melayu**

Peristilahan adalah proses menggubal kata-kata untuk bidang ilmu yang tertentu. Peristilahan merupakan satu daripada aspek yang penting dalam pembinaan bahasa Melayu. Istilah dan perkataan baharu dicipta untuk memperkaya kosa kata bahasa Melayu. Menyedari akan keperluan dan kepentingan istilah ini, melalui DBP, istilah dalam pelbagai bidang ilmu telah digubal sebanyak mungkin untuk memenuhi keperluan penggunaannya dalam bidang-bidang yang berkaitan. Penggubalan istilah-istilah dalam bahasa Melayu dilakukan dengan menggunakan kaedah-kaedah tertentu seperti pinjam langsung, pinjam suai dan pinjam terjemah. Abdullah Hassan (2006), telah memberi takrif peristilahan iaitu satu usaha baru membentuk perkataan bagi mengungkap konsep, idea, proses dan nama bagi sesuatu yang belum wujud dalam bahasa Melayu. Soal peristilahan amat penting sebab di dalam pembinaan bahasa, usaha perluasan kosa kata atau istilah merupakan peringkat yang menentukan keefisienan bahasa itu (S.T.Alisjahbana,1975). Kemampuannya mengungkapkan sebarang konsep atau proses di dalam ilmu pengetahuan adalah ukuran muktamad sama ada bahasa itu sudah cukup terbina menjadi bahasa moden untuk kepentingan sesebuah masyarakat moden.

Pembentukan istilah berkait rapat dengan bahasa. Satu daripada fungsi bahasa adalah sebagai alat komunikasi. Bahasa digunakan untuk mengungkapkan berbagai-bagai konsep demi memasyarakatkan penggunaannya. Justeru, untuk mencapai hasrat tersebut bahasa perlu dikembangkan sejajar dengan perkembangan dan kemajuan masyarakat itu sendiri. Proses pengembangan bahasa ada hubung kaitnya dengan perancangan bahasa kerana hasrat perancangan bahasa tidak hanya meramalkan bahasa pada masa akan datang, tetapi juga berkaitan dengan penciptaan bahasa tulisan, sistem ejaan, penyusunan tatabahasa, dan kosa kata. Moeliono (1989:157) yang mengaitkan perkembangan bahasa dengan pemodenan bahasa menyebut pemodenan bahasa itu bermaksud pemutakhiran bahasa agar serasi dengan keperluan komunikasi semasa dalam pelbagai bidang kehidupan seperti industri, perdagangan, teknologi, dan pendidikan lanjutan.

Peristilahan juga merupakan bahagian khusus perancangan bahasa bidang kosa kata. Melalui istilah, orang yang berkecimpung dalam suatu bidang dapat berkomunikasi dengan baik dalam bidang yang sama. Keperluan mewujudkan istilah muncul dan disedari ketika seseorang harus menguasai sekumpulan istilah untuk mengenal dan menangani berbagai-bagai perkara (Qodratillah,2004:2). Selanjutnya, keseragaman istilah diperlukan

agar istilah yang digunakan tidak bersifat kabur. Hal ini diperlukan agar orang dapat berkomunikasi dengan mudah dan lancar. Sehubungan itu, pembakuan istilah merupakan salah satu daripada kerangka perancangan bahasa. Menurut Ferguson (1968) dalam Qodratillah (2004:2) definisi pembakuan adalah proses menyeragamkan variasi bahasa yang kemudian dapat diterima secara meluas oleh masyarakat bahasa. Berdasarkan pendapat ini, memang pembentukan istilah itu adalah sangat penting dan diperlukan bagi keperluan dan kepentingan pemodenan bahasa dan komunikasi. Inisiatif ini telah dilaksanakan oleh ketiga-tiga negara anggota Mabbim.

Berdasarkan beberapa pendapat di atas, telah menjelaskan bahawa peristilahan memainkan peranan yang sangat penting bagi pelbagai tujuan, termasuklah dalam usaha memperkasakan bahasa itu sendiri. Dalam hubungan ini, Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Perkembangan Kurikulum telah berusaha sepenuhnya untuk menggunakan istilah-istilah Mabbim, terutama melalui beberapa mata pelajaran yang bermediumkan bahasa Melayu seperti bahasa Melayu, Kesusasteraan Melayu dan MIB. Usaha ini adalah bagi meningkatkan dan memartabatkan lagi penggunaan bahasa Melayu itu sendiri.

Usaha perisitilahan di Negara Brunei Darussalam menunjukkan perkembangan yang membanggakan apabila Brunei Darussalam secara rasmi menjadi anggota Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia (MBIM), yang kemudiannya dikenali sebagai Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM) pada tahun 1985. Mabbim berperanan dalam membina dan mengembangkan bahasa rasmi di ketiga buah negara anggota tetap berkenaan. Selain itu, Mabbim juga bertanggungjawab dalam mendaulat, menyebar dan mengangkat martabat bahasa Melayu sebagai bahasa peradaban yang tinggi bukan sahaja di rantau ini, malahan di persada dunia. Usaha Mabbim meliputi semua bidang keilmuan seperti Sains Asas (Matematik, Fizik, Biologi dan Kimia), Sains Sosial (Pendidikan, Linguistik, Sosiologi, Ugama Islam, Perundangan, Perekonomian, Kesusasteraan dan lain-lain), Teknologi Maklumat, Komunikasi Massa, dan sebagainya. Pembentukan istilah bahasa yang diusahakan oleh Mabbim khususnya DBP Brunei telah banyak membantu dan memudahkan Jabatan Perkembangan Kurikulum dalam penyediaan kurikulum dan penulisan buku-buku teks dalam bahasa Melayu.

### **3. Bahasa Melayu dalam Dasar Pendidikan Negara**

Pemerkasaan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan adalah selaras dengan kehendak Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959 yang mengisyiharkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara. Selain kedudukannya dalam perlembagaan, bahasa Melayu diperteguh lagi dengan “Konsep MIB” sebagai falsafah negara mulai tahun 1984, martabat bahasa Melayu dan bangsa Melayu telah diangkat setinggi-tingginya dengan berasaskan nilai-nilai Islam sebagai pelengkap, dan konsep beraja sebagai sistem pemerintahannya (Jaludin, 2002). Justeru, kedudukan bahasa Melayu negara ini jelas masih utuh dan mendapat tempat sejak sistem pendidikan wujud di Negara Brunei Darussalam sehingga Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 diperkenalkan.

Walau bagaimanapun bahasa Melayu masih tidak terlepas daripada menghadapi pelbagai cabaran. Ledakan dunia globalisasi telah memperlihatkan perkembangan ilmu yang begitu pantas. Proses pembangunan pula telah mewujudkan pelbagai penemuan perkara baru dan hasil daripada kajian, idea, konsep, peralatan, mesin dan sebagainya. Sebahagian besar ilmu ini disebarluaskan dengan menggunakan bahasa Inggeris. Ini menjelaskan bahawa peranan bahasa Melayu itu semakin mendapat saingen. Dalam konteks Brunei Darussalam, walau pun cabaran terhadap bahasa Melayu semakin sengit, keadaan ini dapat diimbangi dengan pelbagai dasar bahasa yang dilaksanakan di negara ini. Misalnya seperti yang telah dinyatakan di atas bahawa Perlembagaan Brunei 1959 telah menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara. Dasar ini diperkuuh lagi setelah Negara Brunei Darussalam diisyiharkan sebagai sebuah negara Melayu Islam dan Beraja (MIB) yang dijadikan falsafah negara semasa pengisytiharan kemerdekaan pada tahun 1984.

### **4. Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah dan Istilah Mabbim**

Kurikulum bahasa Melayu mendokong hasrat negara untuk menjadikan pendidikan sentiasa relevan dalam era globalisasi. Kurikulum ini mendukung matlamat pendidikan negara untuk merealisasikan bakat dan potensi pelajar serta mengembangkan kebolehan mereka bagi menghadapi cabaran masa hadapan. Kurikulum bahasa Melayu Sekolah Rendah memberi tumpuan kepada kemahiran berbahasa, mementingkan pembelajaran yang berkesan dan menekankan penglibatan pelajar secara aktif serta mengutamakan keupayaan dan keperluan setiap pelajar. Pemerolehan kemahiran mendengar dan bertutur diberi penekanan khusus pada peringkat awal sekolah rendah untuk membolehkan pelajar bertutur dengan fasih dan yakin.

Kemahiran asas ini akan dikembangkan untuk menyokong pemerolehan kemahiran membaca dan menulis pada peringkat seterusnya. Dalam proses penguasaan bahasa, pelajar dilatih agar mempunyai keupayaan untuk menerima informasi, menjana idea dan berkongsi pengetahuan. Semua ini dapat dilakukan melalui konteks komunikasi yang berkesan yang membolehkan pelajar menggunakan bahasa Melayu dalam kehidupan harian, memperoleh ilmu untuk pembelajaran sepanjang hayat, perhubungan sosial dan rekreasi.

Kurikulum ini juga menyediakan pelajar untuk menguasai kecekapan berbahasa dan berkomunikasi serta dapat menggunakan tatabahasa secara betul dan tepat. Selain itu, kurikulum ini juga memberikan pertimbangan kepada pelbagai gaya pembelajaran, minat dan kecerdasan yang berbeza dalam kalangan pelajar, penerapan kemahiran berfikir, teknologi maklumat, serta mengembangkan potensi murid untuk mengungkapkan ilmu pengetahuan daripada mata pelajaran yang lain dan mata pelajaran keusahawanan. Sistem bahasa dan ejaan yang digunakan dalam pembinaan kurikulum bahasa Melayu di negara ini adalah berpandukan pada dasar bahasa yang telah ditentukan oleh DBP. Ini juga termasuk sistem ejaan dan tulisan Jawi (Kurikulum dan Penilaian Bahasa Melayu, 2009).

Oleh kerana bidang istilah merangkumi hal ehwal ilmu, teknologi dan segala bidang yang berkaitan dengan kehidupan kini, justeru itu, istilah dipelajari untuk mengungkap konsep dan pemikiran yang kompleks dan abstrak. Ini selaras dengan matlamat kurikulum bahasa Melayu iaitu untuk melengkapkan murid dengan keterampilan berbahasa dan berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Melayu baku untuk memenuhi keperluan diri, memperoleh ilmu, pergaulan atau perhubungan sosial, serta urusan harian.

Istilah-istilah Mabbim yang digunakan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu peringkat rendah ini adalah berdasarkan pada pernyataan hasil pembelajaran bahasa Melayu peringkat rendah iaitu seperti yang berikut:

- i. Berbual tentang sesuatu perkara berkaitan dengan kehidupan seharian menggunakan kata, ungkapan, ayat, dengan sebutan, intonasi serta nada yang sesuai. Bercerita menggunakan kata, frasa, ayat serta sebutan dan intonasi yang baik dan jelas.
- ii. Membaca dengan nada yang nyaring bagi perkataan dan ayat dengan sebutan dan intonasi yang betul dan memahami perkara yang dibaca.

- iii. Merujuk pelbagai sumber termasuk internet untuk mendapatkan maklumat tentang sesuatu topik yang dibincangkan.
- iv. Membaca dan mengenal pasti perkataan, jenis-jenis ayat dan gaya bahasa yang terdapat dalam bahan sastera dan bukan sastera.
- v. Membaca dan menghayati pelbagai bahan yang bertulis untuk menambah minat membaca.
- vi. Membina dan menulis perkataan, frasa, ayat tunggal dan ayat majmuk.

Usaha mengangkat istilah Mabbim begitu jelas dengan memasukkan istilah-istilah yang disediakan oleh Mabbim sebagai satu inisiatif meningkatkan kecekapan berbahasa bagi mencapai hasil pembelajaran dalam kurikulum bahasa Melayu peringkat rendah .

## 5. Penggunaan Istilah Mabbim dalam Buku Teks

Bagi mencapai matlamat kurikulum bahasa Melayu yang terkandung dalam sukanan pelajaran, elemen-elemen yang menjurus kepada pencapaian matlamat tersebut menjadi perisian utama buku teks. Oleh yang demikian, dalam penulisan buku teks, Jabatan Perkembangan Kurikulum memastikan elemen pengisian kurikulum dititikberatkan. Terdapat beberapa elemen dalam pengisian kurikulum, iaitu pengetahuan daripada pelbagai bidang ilmu, nilai-nilai murni, kewarganegaraan, peraturan sosiobudaya, serta kemahiran bernilai tambah seperti kemahiran berfikir, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kecerdasan pelbagai dan pembelajaran kontekstual. Justeru, dalam mendukung usaha murni Mabbim terutama pembentukan dan penggunaan istilah Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Perkembangan Kurikulum telah menggunakan istilah-istilah Mabbim sebagai rujukan dan panduan utama dalam pembinaan kurikulum dan penulisan buku-buku teks untuk sekolah-sekolah di negara ini. Penggunaan istilah-istilah Mabbim ini diperlihatkan pada kandungan buku teks Bahasa Melayu yang diterbitkan oleh Jabatan Perkembangan Kurikulum (JPK), Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

### 5.1 Bahan Buku Teks

Buku teks dan pembelajaran merupakan dua hal yang saling melengkapi. Pembelajaran akan berlangsung secara efektif jika dilengkapi dengan buku teks. Oleh kerana bahan dan intipati yang dimuatkan dalam buku teks mencakupi pelbagai bidang, JPK akan memastikan buku teks tersebut menyediakan bahan yang

dipilih menjurus kepada pengisian kurikulum dan ditentukan cakupan dan urutannya sehingga mampu memudahkan dan memberi kefahaman kepada para guru serta pelajar khususnya.

Berikut adalah contoh penggunaan istilah yang terdapat dalam buku teks, rujukan daripada Daftar Istilah Mabbim.

Jadual 1: Contoh Penggunaan Istilah Mabbim

#### Buku teks tahun 1

Istilah Sumber	Istilah Mabbim	Contoh Ayat	Bidang
<i>cyber café</i>	afe siber	Jelaskan kebaikan dan keburukan <b>afe siber</b> .	Teknologi Maklumat
<i>facsimile</i>	faksimili	Pada masa itu, surat dihantar melalui <b>faksimili</b> .	Komunikasi
<i>Jet</i>	jet	Pertunjukkan daripada <b>jet – jet</b> tentera udara juga diadakan.	Kejuruteraan
<i>skate</i>	papan luncur	Di taman itu terdapat gelanggang untuk bermain <b>papan luncur</b> .	Sukan
<i>water fall</i>	air terjun	Kampung Amin berhampiran <b>air terjun</b> .	Pertanian

#### Buku teks tahun 2

Istilah Sumber	Istilah Mabbim	Contoh Ayat	Bidang
<i>CD-ROM /cassette</i>	CD-ROM / kaset	Antara bahan pembelajaran yang dikumpulkan ialah majalah, nota, <b>CD-ROM</b> , kaset dan gambar-gambar.	Teknologi Maklumat/Komunikasi Massa
<i>destination</i>	destinasi	Tajuk : Destinasi Pelancongan	Ekonomi
<i>zoological garden</i>	zoo	Namakan haiwan-haiwan lain yang ada di <b>zoo</b> .	Pertanian
<i>Jetty</i>	jeti	2.30 petang : Tiba di <b>jeti</b> Kuala Kedah.	Kejuruteraan
<i>Recreational Park</i>	Taman rekreasi	<b>Taman Rekreasi</b> Sungai Basong adalah salah satu taman yang terdapat di Negara Brunei Darussalam.	Pertanian
<i>e-mail</i>	e-mel	Tulis <b>e-mel</b> ringkas kepada kawan kamu.	Teknologi Maklumat

### Buku teks tahun 3

Istilah Sumber	Istilah Mabbim	Contoh Ayat	Bidang
<i>mamalia</i>	mamalia	Orang utan, ikan paus dan harimau adalah jenis <b>mamalia</b> .	Biologi
<i>project financing</i>	pembiayaan projek	Pembiayaan projek lading kelompok itu disediakan oleh Kementerian Kewangan	Ekonomi
<i>situation</i>	situasi	Lakonkan situasi temu ramah dengan wartawan.	Kesusasteraan
<i>beat board</i>	papan lonjak	Kaki peserta tidak boleh melebihi <b>papan lonjak</b> .	Sukan
<i>slow motion</i>	gerak perlahan	Lakonkan acara sukan tersebut secara <b>gerak perlahan</b> .	Komunikasi Massa
<i>web page</i>	laman web	Berikan satu contoh laman web pendidikan yang menarik.	Teknologi Maklumat

### Buku teks tahun 4

Istilah Sumber	Istilah Mabbim	Contoh Ayat	Bidang
<i>incentive</i>	insentif	Kerajaan juga menyediakan berbagai-bagai <b>insentif</b> kepada mereka yang berbakat dalam bidang sukan.	Sains Politik
<i>promotion</i>	promosi	Pihak akhbar turut mem <b>promosikan</b> pelbagai jenis sukan	Komunikasi Massa
<i>message</i>	mesej	Nyatakan <b>mesej</b> dan nilai daripada pendapat yang diberikan.	Teknologi Maklumat
<i>active</i>	aktif	Dia <b>aktif</b> dalam sukan permainan dan olahraga.	Linguistik
<i>emergency ward</i>	wad kecemasan (Indonesia)	Mangsa telah dimasukkan ke <b>wad kecemasan</b> .	Perubatan

### Buku teks tahun 5

Istilah Sumber	Istilah Mabbim	Contoh Ayat	Bidang
<i>family tree</i>	salasilah keluarga	Bolehkah saya bertanya kepada nenek tentang <b>salasilah keluarga</b> kita?	Sosiolinguistik
<i>vandalism</i>	vandalisme	Perbuatan <b>vandalisme</b> harus dicegah.	-
<i>mass media</i>	media massa (Indonesia/Malaysia)	Bincangkan pengaruh <b>media massa</b> dan persekitaran tempat tinggal.	Sosiologi
<i>dialogue</i>	dialog	Senaraikan peribahasa yang terdapat dalam <b>dialog</b> di atas.	Linguistik
<i>jungle reserve / balance of nature</i>	hutan simpan / keseimbangan alam (Indonesia)	<b>Hutan simpan</b> ini dipelihara bertujuan untuk keseimbangan alam.	Perhutanan
<i>cyberspace</i>	ruang siber	Perkongsian maklumat di <b>ruang siber</b> yang semakin pesat.	Teknologi Maklumat

### Buku teks tahun 6

Istilah Sumber	Istilah Mabbim	Contoh Ayat	Bidang
<i>infrastructure</i>	infrastruktur/prasarana	Sungguhpun terdapat <b>infrastruktur</b> yang baik, kadar kemalangan tidak akan berkurang sekiranya para pengguna tidak mempunyai sifat bertimbang rasa dan tidak mematuhi undang-undang jalam raya.	Ekonomi
<i>graph</i>	graf	Berpandukan <b>graf</b> , lakukan aktiviti berikut.	Linguistik
<i>institution/philosophy</i>	institusi/falsafah	Jabatan Penerangan sentiasa bekerjasama dengan <b>institusi-institusi</b> kerajaan dalam usaha menyemai dan menanam nilai-nilai <b>falsafah</b> Melayu Islam Beraja.	Pendidikan
<i>toxic substance</i>	bahan toksik	Pembuangan <b>sisa-sisa</b> bahan toksik dan pembakaran secara terbuka boleh mencemarkan alam semulajadi.	Perubatan
<i>residual</i>	sisa		Fizik
<i>ambient temperature</i>	suhu sekitar	Alam sekitar yang tercemar boleh juga menyebabkan peningkatan <b>suhu sekitar</b> .	Komunikasi Massa

Buku-buku teks Bahasa Melayu dari Tahun 1 hingga 6 menyediakan objektif yang hendak dicapai selepas mempelajari setiap unit pelajaran. Antara objektif tersebut menghendaki pelajar menyatakan maklumat daripada kamus tentang istilah. Kaedah ini digunakan bagi membiasakan pelajar merujuk Daftar Istilah Mabbim bagi memperoleh maklumat istilah dengan tepat.

Dengan adanya elemen pengisian istilah dalam kurikulum bahasa Melayu, khususnya istilah-istilah yang terkandung dalam daftar Istilah Mabbim, sudah setentunya akan dapat meningkatkan keintelikualan pelajar. Selain daripada itu, usaha DBP dalam menggubal dan membentuk istilah dalam pelbagai bidang ini memudahkan dan membantu seseorang dalam proses pembelajaran untuk mempelajari sesuatu bidang selain menjadi rujukan dalam pembelajaran.

## 6. KESIMPULAN

Kurikulum bahasa Melayu di Brunei Darussalam tidaklah menghadapi cabaran yang terlalu sengit. Malah masih dapat diterima dan digunakan sepenuhnya dalam pendidikan di negara ini. Apa yang penting ialah setiap negara anggota MABBIM perlu melaksanakan kesepakatan yang telah dipersetujui mengenai bahasa dan istilah, demi mendukung tujuan dan fungsi majlis ini. Iaitu:

1. Meningkatkan semangat kebersamaan dan persaudaraan antara negara anggota;
2. Meningkatkan peranan bahasa kebangsaan/rasmi negara anggota sebagai alat perhubungan yang lebih luas;
3. Mengusahakan pembinaan dan pengembangan bahasa kebangsaan/rasmi negara anggota supaya menjadi bahasa yang setaraf dengan bahasa model yang lain;
4. Mengusahakan penyelarasan bahasa melalui kegiatan ilmiah, seperti penyusunan pedoman atau panduan; dan
5. Mengadakan pertemuan berkala demi penyelarasan dan pendekatan bahasa kebangsaan/rasmi negara anggota.

Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Perkembangan Kurikulum mendukung sepenuhnya penggunaan istilah Mabbim dalam kurikulum bahasa

Melayu dan juga kurikulum lain yang bermediumkan bahasa Melayu. Penyemaian penggunaan istilah Mabbim melalui pendidikan merupakan satu kaedah yang paling berkesan demi kelangsungan dan keberhasilan cita-cita Mabbim untuk mencapai tujuan majlis ini ditubuhkan.

Dalam kesempatan ini juga, penulis ingin mencadangkan beberapa usulan untuk dipertimbangkan oleh pihak majlis sekiranya relevan dalam seminar ini, antaranya ialah;

1. Dalam konteks setempat DBP perlu bekerjsama dengan kementerian-kementerian tertentu dalam usaha untuk menyebarluaskan pemakaian dan penggunaan istilah Mabbim supaya penggunaannya tidak hanya terhad pada bidang pendidikan semata-mata;
2. Jerayawara perlu diadakan bagi memperkenalkan dan memasyarakatkan istilah Mabbim di negara masing-masing;
3. Penggunaan Istilah Mabbim perlu ditekankan penggunaannya terutama dalam pendidikan dan penulisan-penulisan ilmiah;
4. Membanyakkan dan mempercepatkan penerbitan istilah Mabbim dalam pelbagai bidang ilmu;
5. Ahli-ahli Mabbim yang dilantik oleh setiap negara bagi pembentukan istilah perlu melibatkan ilmuan dari pelbagai bidang ilmu bukan hanya terdiri daripada ahli-ahli bahasa dan akademik sahaja;
6. Program atau aktiviti yang berkaitan dengan memperkasa istilah-istilah Mabbim perlu dijalankan oleh setiap negara dalam pelbagai bentuk; dan
7. Bidang kuasa Mabbim perlu diperluas dalam menentukan dasar bahasa dan pembentukan istilah.

Dalam konteks pendidikan di Negara Brunei Darussalam, ke arah mencapai matlamat kurikulum bahasa Melayu, Daftar Istilah terbitan Mabbim telah dimanfaatkan untuk kepentingan pendidikan bahasa Melayu, sekali gus memartabatkan istilah tersebut melalui pembelajaran dan pengajaran. Usaha ini diharapkan dapat menghasilkan satu identiti Melayu yang tulen dan sejati. Pada masa yang sama, biarlah bahasa Melayu dapat memupuk jati diri masyarakat bahasanya lebih-lebih lagi dalam arus pemodenan dan penyejagatan dunia.

## BIBLIOGRAFI:

Abdullah Hassan, 2006. Morfologi. PTS Professional Publishing Sdn Bhd; Kuala Lumpur  
Anton M. Moeliono 1985. Pengembangan dan Pembinaan Bahasa: Ancangan Alternatif  
di dalam Perencanaan Bahasa. Penerbit Djambatan: Jakarta.

Asmah Hj Omar, Sumber : Utusan Malaysia (17/01/2005)

Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 1 - 6. (2009). Star Publishing Pte Ltd, Singapore.

Dewan Bahasa dan Pustaka. 2009. Istilah Pendidikan Kurikulum. Dewan Bahasa dan  
Pustaka, Brunei Darussalam

Dewan Bahasa dan Pustaka. 2009. Istilah Pendidikan, Teknologi Pendidikan. Dewan Bahasa  
dan Pustaka, Brunei Darussalam

Fishman, J.A., Ferguson, C.A. dan Das Gupta, J. (ed.) 1968. *Language Problems of  
Developing Nations*. New York: Wiley

Hashim Hj. Musa. (2009). BBM 5203 Sosiolinguistik Lanjutan. Serdang: Universiti Putra  
Malaysia.

Jabatan Perkembangan Kurikulum. (2009). Kerangka Kurikulum dan Penilaian,  
Tahun 1 - 6. Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam

Jaludin Chuchu. (2002). Morphology of Brunei Malay. 2002. ISBN 967-942-433-2.  
Penerbit UKM: Bangi

Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. (2013). Sistem Pendidikan  
Negara Abad Ke-21 (SPN21). Negara Brunei Darussalam.

Kamal Shukri Abdullah Sani 2007. Bahasa Melayu Apa Sudah Jadi?. PTS Professional  
Publishing Sdn Bhd. Kuala Lumpur.

Nik Safiah Karim (2004). Bahasa Melayu Sedekat Lalu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa.  
Kuala Lumpur.

Pelita Brunei,Tahun 36 Bil.3, 16 Januari 1991

S. Takdir Alisjahbana. 1975. Perkembangan Sejarah Kebudayaan Indonesia dilihat dari nilai-  
nilai: Ceramah pada tanggal 11 Februari 1975 di Gedung Kebangkitan Nasional,  
Jakarta.